

12 JUN 1998

PAHANG-SIMEN/I

PAHANG CEMENT NAK BERI SUMBANGAN BESAR KEPADA YTL CEMENT

Oleh: S. Durga Varma

BUKIT SAGU (KUANTAN), 12 Jun (Bernama) -- Pahang Cement Sdn Bhd, kilang simen bersepadu pertama seumpamanya yang beroperasi di Koridor Timur, akan menyumbang kira-kira RM200 juta kepada nilai dagangan kumpulan YTL Cement Bhd tahun ini, kata pengarah eksekutifnya, Datuk Michael Yeoh Sock Siong, hari ini.

Menurut beliau Pahang Cement, yang mempunyai keupayaan maksimum untuk mengeluarkan satu juta tonne simen setahun di bawah jenama "Cap Orang Kuat", akan menjadi penyumbang utama kepada jumlah dagangan YTL Cement dalam tahun-tahun akan datang.

Bercakap kepada pemberita selepas lawatan media ke kilang berharga RM700 juta itu, yang terletak kira-kira 40 km dari Kuantan, Yeoh berkata permintaan terhadap simen di Koridor Timur tidak merosot seteruk yang dialami di di Pantai Barat.

Kilang yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, ialah usaha sama 50:50 antara kerajaan negeri Pahang dan YTL Cement Bhd.

Kata Yeoh YTL Cement, yang merupakan satu daripada pengeluar konkrit siap bancuh terkemuka dan pengguna simen terbesar di negara ini, menganggap pelaburannya di Pahang itu sebagai pelengkap kepada dua lagi pelaburannya iaitu di Pelabuhan Barat, Selangor dan Pasir Gudang, Johor.

Menurutnya, kilang itu banyak menggunakan mesin dan hanya 100 orang diambil bekerja dalam tiga giliran. Ia mengeluarkan 3,200 tonne simen setiap hari.

Beliau berkata YTL Cement berpendapat industri simen mempunyai prospek yang cerah dan merasakan bahawa dengan kelembapan ekonomi sekarang, yang telah mengurangkan permintaan sebanyak 25 peratus dalam suku pertama tahun ini, pengeluar simen seharusnya menggunakan peluang ini untuk meletakkan asas bagi peluasan selanjutnya.

Beliau menegaskan bahawa permintaan terhadap simen di Malaysia dijangka merosot sebanyak 30 peratus dalam tahun 1998 kepada kira-kira 12 juta tonne daripada permintaan dalam tahun 1997 iaitu sebanyak 15.8 juta tonne.

Menyentuh tentang kedudukan tunai Pahang Cement, beliau berkata ia mempunyai lebih RM100 juta manakala YTL Cement mempunyai RM135 juta yang diletakkan dalam akaun simpanan tetap dan jumlah ini "tidak disentuh".

Mengenai rancangan untuk mengembangkan operasi YTL ke seberang laut, beliau berkata memang ada kemungkinannya berbuat demikian di masa akan datang dan mungkin dipertimbangkan secara serius selepas Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dilaksanakan pada tahun 2000.

-- BERNAMA

DVS KY MA